

BAB 4

KESENGSARAAN HIDUP DI BAWAH PENTADBIRAN JEPUN

Sewaktu menduduki dan mentadbirkan Tanah Melayu, Jepun menyedari bahawa penduduk di negara ini amat unik. Ini kerana terdapatnya masyarakat yang heterogenous di mana ada sekurang-kurangnya dua bangsa mendatang yang tinggal di Tanah Melayu. Bangsa mendatang yang diperkatakan ialah bangsa Cina dan India . Keadaan sedemikian juga berlaku di Melaka. Jika dikaji pada bancian tahun 1931 (lihat Jadual 1) iaitu sepuluh tahun sebelum Jepun menduduki Tanah Melayu, ramainya penduduk Melayu yang dicampurkan yang berketurunan dari Indonesia hanyalah 51% sahaja daripada seluruh penduduk Melaka. Selebihnya iaitu 49% adalah ramainya penduduk bukan Melayu iaitu Cina , India dan lain-lain.

Jadual 1

Penduduk-penduduk Melaka berdasarkan kaum mengikut peratus

pada tahun 1931¹

Kaum	% penduduk
Melayu	49.3
Indonesia	1.7
Cina	34.9
India	12.4
Lain-lain	1.7

¹ Malaya, *Report on the 1947 Census of Population*, by M.V. del Tufo, London: Crown Agents for the Colonies, 1949, hlm. 41

Berdasarkan keadaan yang wujud itu, Jepun telah membuat langkah-langkah dan dasar-dasar tertentu untuk mengimbangi ketiga-tiga kaum yang terbesar di Tanah Melayu ini. Jepun menganggap dan mengakui bahawa orang Melayu adalah penduduk asal di Malaya.² Sementara itu, kedua bangsa mendatang tersebut iaitu Cina dan India tidak pula diabaikan dan layanan tertentu akan diberikan kepada mereka. Kedua-dua kaum terkemudian itu pula bukanlah asing kepada Jepun. China pernah terlibat dalam perperangan China-Jepun pada tahun 1937. Penduduk-penduduk Cina yang tinggal di seberang laut termasuk yang tinggal di Tanah Melayu mahupun Singapura telah memberi bantuan kepada negeri asal mereka. Penubuhan *China Relief Fund* dan pemulauan barang-barang buatan Jepun adalah merupakan kegiatan-kegiatan mereka menentang Jepun.³

Sementara itu, kaum India pula telah dirancang oleh Jepun untuk membebaskan negeri mereka dari cengkaman penjajah British. Ini adalah satu cara untuk mengambil hati rakyat India seberang laut dan merupakan satu usaha untuk menguasai India.⁴

Kedatangan Jepun ke Tanah Melayu telah memberikan persepsi yang berbeza-beza pada setiap kaum yang berada di Tanah Melayu pada ketika itu. Sebenarnya perperangan telah memberikan kesan yang meluas ke atas kehidupan masyarakat. Keegoan British akhirnya tecabar apabila tidak berjaya menahan

² Lee Ting Hui, "Singapore Under the Japanese: 1942-1945", dalam *Journal of South Seas Studies*, Vol.XVII, April, 1961, hlm. 59.

³ V.Purcell, *The Chinese in Malaya*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1956, hlm. 245.

⁴ Chin Kee Onn, *Malaya Upside Down*, Singapore: Jitt and Co. Ltd, 1946, hlm. 132-133.

serangan Jepun di Tanah Melayu dan Singapura. Jepun juga telah berjaya membuktikan bahawa orang Asia juga mempunyai kehebatan dan kebolehan seperti orang Eropah. Jepun yang menyerang tidak mendapat pertolongan dari mana-mana pun pergerakan kebangsaan. Di Tanah Melayu, tidak terdapat barisan kelima dan tiada kejadian yang benar-benar berlaku di mana orang Melayu menembak tentera British. Ini telah menambahkan lagi kepercayaan kepada diri sendiri dan semangat perjuangan kepada orang Melayu.

Di Tanah Melayu, Jepun lebih banyak bergantung kepada usahanya menimbulkan permusuhan orang Melayu terhadap orang Cina dengan hanya mendapat sedikit kejayaan tetapi mereka gagal untuk membangkitkan perasaan benci orang Melayu terhadap orang British, tanpa mempedulikan sejauh mana kekalahan mereka telah menghancurkan kehormatan mereka.⁵ Masyarakat Melayu telah menerima perubahan secara tiba-tiba dan telah melihat bagaimana kekerasan berlaku dihadapan mata mereka.⁶ Perubahan sedemikian telah menambahkan kekekalan semangat bangsa Melayu. Pihak polis di bawah arahan *Kempeitai*, dan mungkin tidak seorang pun akan mengetahui sejauh mana keganasan yang dikakukan terhadap penduduk-penduduk asli.

Kaum Cina pula menganggap kedatangan Jepun ke Tanah Melayu sebagai satu pukulan hebat kepada mereka. Sikap benci kepada kaum Cina memang sudah

⁵ D.G.E. Hall, *Sejarah Asia Tenggara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979, hlm. 1001.

⁶ Ungku A.Aziz dan T.H. Silcock, "Nationalism in Malaya, the impact of the Japanese Occupation", dalam W.L. Holland (ed.), *Asian Nationalism and the West*, New York: The Macmillian Co., 1953, hlm. 289.

sebat di dalam hati tentera Jepun kerana mereka telah membantu China menentang Jepun dengan memberi bantuan dan sokongan moral sewaktu Jepun berperang dengan China sebelum ini. Sebagai kaum pendatang yang bermiaga, pelombong dan lain-lain kerja, kehadiran Jepun ke Tanah Melayu telah mendatangkan akibat buruk kepada mereka. Walau di mana sekalipun berlaku perperangan, ianya akan menimbulkan situasi yang tidak tenteram dan ianya sekali gus akan menjelaskan kedudukan ekonomi sesuatu negara.

Beribu-ribu orang Cina telah dibunu selepas penyerahan Singapura, terutamanya mereka yang ada kaitan dengan *China Relief Fund*. Merogol adalah perkara yang paling banyak sekali berlaku di Tanah Melayu semasa pendudukan Jepun, seperti yang ditulis oleh Victor Purcell, "menjalankan kerja merogol dengan meluasnya".⁷ Disamping itu, penindasan dan tekanan yang dilakukan oleh Jepun terhadap kaum Cina adalah begitu hebat. Oleh kerana terlalu hebat menerima tekanan dan layanan yang begitu teruk sekali terhadap kaum Cina di Tanah Melayu, ramai di antara orang Cina yang lari ke dalam hutan untuk menyelamatkan diri dari seksaan Jepun. Taktik Jepun termasuk keganasan dan ini dilakukan untuk menamatkan penentangan dan menindas penduduk berbilang kaum.⁸

Kempeitai yang dibenci orang Cina dan ingin menakluk 'hati dan akal' rakyat tempatan telah menggunakan taktik ketakutan (*fear tactics*). Masyarakat

⁷ Hall, *Sejarah*, hlm. 1002.

⁸ Muhammad Yusoff Haji Ahmad, *Decades of Change: Malaysia 1910- 1970's*, Kuala Lumpur, Pesaka, 1983, hlm. 212.

Cina diheret daripada rumah mereka dan dibicarakan untuk kesalahan yang tidak dilakukan. Kepala yang dipancung ‘dilekatkan di hujung kayu buluh dan dipamerkan dikhayal ramai’.⁹ Mereka yang tidak bersalah juga menjadi mangsa kezaliman Jepun. ‘Bayi-bayi sering kali dibuang ke udara dan beberapa askar Jepun akan bersaing untuk menikam bayi-bayi itu dengan benet mereka’.¹⁰

Perkara dusta disebarluaskan mengenai orang Inggeris dan Cina untuk menanam perasaan benci dihati orang Melayu. Tetapi orang Melayu telah menyedari tentang hal ini, maka propaganda Jepun gagal. Jepun juga gagal memenangi hati penduduk tempatan. Mereka telah menganggap bahawa keganasan akan membuat penduduk takut dan ini pula akan memaksa mereka patuh kepada Jepun.¹¹ Sebaliknya, masyarakat Cina telah ‘lari ke hutan jauh dari ancaman Jepun. Mereka ini dikenali sebagai tikus hutan’.¹² Oleh kerana pemerintahan Jepun itu berlaku kejam, zalim dan keras, maka ramailah rakyat di negeri ini telah lari meninggalkan rumah tangga dan masuk ke hutan-hutan serta menyusun pasukan-pasukan di bawah tanah bagi menentang Jepun. Barisan-barisan sukarela yang terdiri daripada pemuda-pemuda berbagai kaum dan keturunan telah disusun dan diberi latihan yang rapi. Kumpulan penentangan itu termasuklah pegawai-pegawai British yang telah diarahkan supaya tinggal di dalam hutan sebelum kejatuhan Singapura untuk menguruskan kerja-kerja mengkhianat dan bersedia untuk kepulangan pihak Berikut. Yang lain-lainnya termasuklah orang-orang Cina

⁹ Muhammad Yusof, *Decades*, hlm. 212.

¹⁰ *Ibid*, hlm. 212.

¹¹ Sheela Abraham, *Sejarah Perkembangan Negara*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1993, hlm 136.

¹² Muhammad Yusoff, *Decades*, hlm.203.

terutama anggota Kuomintang dan komunis, orang-orang Melayu dan mereka yang enggan tunduk kepada pemerintahan Jepun. Dari hutan rimba ini mereka telah melancarkan serangan-serangan gerila terhadap jalan-jalan perhubungan dan khemah-khemah tentera Jepun.

Kumpulan-kumpulan yang bertaburan juga ditubuhkan. Hubungan yang kekal dengan pihak Berikat menerusi radio dan melalui ejen-ejen yang mendarat di pantai-pantai dari kapal selam juga diadakan. Sebagai kesannya ramai di antara mereka menjadi anggota M.P.A.J.A. dan menjadi penentang Jepun yang kuat dan hasilnya mereka telah terlatih dalam perang gerila di Malaya.¹³ Pada 1943, sekumpulan pegawai yang dikenali sebagai Angkatan 136 dari India datang secara sulit dengan kapal terbang dan kapal selam untuk menyelaraskan tugas kumpulan-kumpulan penentang. Sementara itu kaum India pula telah dialihkan pandangan dan sikap hidup mereka kepada politik. Politik tempatan tidak menarik hati kaum India dan mereka lebih melibatkan diri dengan perjuangan politik untuk pembebasan negara mereka dari penjajahan British. Kekejaman Jepun tidak begitu terasa kepada mereka kecuali soal perekonomian mereka seperti penutupan ladang-ladang getah.

Pada tahun-tahun sebelum Jepun menjajah Tanah Melayu, Jepun mempunyai hubungan yang baik dengan orang India. Ini adalah kerana Jepun telah berjanji untuk membantu India membebaskan diri daripada penjajahan British. Jepun juga telah membantu menuju kerajaan India Bebas di bawah

¹³ Ungku A. Aziz dan T.H. Silcock, "Nationalism in Malaya" hlm. 293-295.

pimpinan Chandra Subhas Bose di Singapura. Ada juga rakyat India yang telah dibuang negeri telah menjadi pengintip Jepun. Walaupun terdapat di antara mereka yang dihantar menjadi buruh pembinaan ‘jalan keretapi maut Siam-Burma’ tetapi dengan adanya pergerakan politik yang digalakkan oleh Jepun maka mereka dapat menjadikan soal itu sebagai alasan untuk mengelakkan diri daripada arahan tersebut.

Untuk melihat secara terperinci lagi adalah penting bagi kita meneliti satu persatu apa yang berlaku terhadap setiap kaum yang terdapat di Melaka. Sebenarnya layanan yang diterima oleh setiap kaum di bawah pentadbiran Jepun adalah berbeza-beza. Sebelum menakluki Tanah Melayu, Jepun telah mengadakan perhubungan awal dengan Kesatuan Melayu Muda (K.M.M) di Singapura. Jepun menganggap K.M.M sebagai mewakili orang Melayu dan sebab itulah ia mengadakan hubungan tersebut.¹⁴ Pihak Jepun telah meminta orang Melayu supaya tidak menentang Jepun sewaktu Jepun menyerang Tanah Melayu melalui K.M.M. Malangnya, ketika British hendak mengundurkan diri, sultan-sultan bagi negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang telah dipaksa mengumumkan perperangan melawan Jepun¹⁵ dan ini menyebabkan orang-orang Melayu dicurigai pula oleh Jepun. Oleh itu K.M.M. telah cuba menyakinkan Jepun bahawa British memainkan peranannya dalam mengumumkan menentang Jepun itu.¹⁶ Untuk

¹⁴ I.K. Agastja, *Sedjarah dan Perjuangan di Malaya*, Jogja: Usaha Penerbitan Nusantara, 1951, hlm. 88.

¹⁵ *Ibid.*, hlm. 89.

¹⁶ *Ibid.*, hlm. 93.

memelihara kepentingan-kepentingan orang Melayu juga, K.M.M. telah meminta supaya tuntutan-tuntutan mereka dipelihara. Tuntutan-tuntutan tersebut ialah;

- i. Perempuan-perempuan Melayu hendaklah dipelihara kehormatan mereka kerana orang Melayu akan mengamuk jika keselamatannya diganggu,
- ii. Harta-benda orang Melayu hendaklah dipelihara dan jangan dirampas atau dibinasakan,
- iii. Orang Melayu yang ditangkap oleh Jepun mestilah diserahkan kepada Barisan Pemuda K.M.M. untuk diselidik dan menahan mereka.¹⁷

Tuntutan-tuntutan yang dipinta oleh K.M.M. telah dipersetujui oleh pihak Jepun. Orang Melayu telah menerima layanan yang agak istimewa berbanding dengan kaum lain pada awal pemerintahan Jepun di Tanah Melayu. Namun begitu, ada juga kekejaman yang telah dilakukan oleh pentadbiran Jepun terhadap orang Melayu. Kekejaman yang dilakukan oleh Jepun terhadap orang Melayu dikatakan akibat salah faham Jepun mengenai tindak-tanduk sultan-sultan ketika British hendak mengundurkan diri. Sebenarnya itu semua adalah sebagai satu dalih sahaja kerana pihak Jepun selepas itu kerap melakukan pelbagai tindakan yang di luar batas kemanusiaan sepanjang pentadbirannya itu.

Pada ketika Jepun mula menguasai Tanah Melayu, orang Melayu tidak menunjukkan reaksi yang berlainan seperti bersiap sedia untuk berpindah. Pada

¹⁷ *Ibid*, hlm. 93-94.

umumnya, mereka seolah-olah gembira dan menerima tentang kekalahan British kepada Jepun.¹⁸ Pendudukan Jepun telah memberi peluang kepada orang Melayu untuk menunjukkan kebolehan mereka. Umpamanya dalam masa setahun saja perubahan sikap telah mula berubah “yang membawa ke arah kemajuan, meskipun perubahan-perubahan ini dijalankan pada masa kesusahan.”¹⁹

Walau bagaimanapun, satu perkara yang lebih menekan emosi masyarakat Melayu ialah pembinaan jalan keretapi maut di Siam-Burma. Keperluan tenaga buruh bagi tujuan untuk membina jalan keretapi tersebut amat menakutkan penduduk tempatan. Desakan-desakan Jepun untuk mendapatkan tenaga buruh tersebut amat dirasakan oleh segenap lapisan rakyat di masa pentadbiran Jepun. Usaha-usaha tersebut telah dijalankan oleh setiap bahagian pentadbiran Jepun daripada pegawai-pegawai buruh sehingga kepada ketua-ketua kampung. Jalan-jalan keretapi yang terdapat di Melaka sebelum Perang Dunia Kedua tersebut, seperti yang menghubung Seremban ke Melaka telah digunakan oleh pentadbiran Jepun untuk membina jalan keretapi di Siam itu. Jalan keretapi Siam-Burma telah cuba dibina untuk tujuan-tujuan pengangkutan dan untuk menyerang British di India.

Namun begitu hasrat Jepun tidak tercapai walaupun pembinaan jalan keretapi tersebut telah memakan korban beribu-ribu nyawa. Orang Melayu adalah merupakan salah satu sumber tenaga buruh Jepun tersebut dan penduduk Melayu

¹⁸ Temuramah dengan Sidang Maarof bin Md. Yassan di Kampung Tedong Pekan, Merlimau Melaka pada 10 Ogos 2001.

¹⁹ *Semangat Asia*, Tahun 1, No. 2, Nigatsu (Februari), Syowa 18, 2603, hlm. 6.


Melaka telah turut sama dipaksa menjadi tenaga buruh untuk pembinaan jalan keretapi yang sia-sia itu. Pengambilan tenaga buruh paksa boleh dikatakan berbentuk penganiayaan yang terburuk sekali. Beribu-ribu orang telah diambil untuk pembinaan jalan keretapi maut “death railway” yang terkenal itu; yang menyambungkan Selatan Burma dengan Bangkok melalui Kauburi.²⁰

Pengambilan tenaga buruh dijalankan oleh Pejabat Buruh dengan kerjasama penghulu ataupun ketua kampung. Jepun telah mengarahkan setiap kampung di Melaka menghantar sekurang-kurangnya 5 orang sebagai wakil kampung tersebut.²¹ Pemilihan calon-calon pula berdasarkan kepada kedudukan sesuatu keluarga itu pula. Sekiranya satu keluarga itu tidak mempunyai anak lelaki, ataupun anak lelaki tersebut diperlukan untuk membantu dan menanggung keluarga, maka dia tidak dipaksa untuk menyumbangkan tenaganya untuk pembinaan jalan keretapi maut tersebut. Perkara ini dapat dilakukan oleh penghulu atau ketua kampung di Melaka kerana adanya persefahaman di antara penduduk dengan ketua kampung.

Pada umumnya, pemuda-pemuda di Melaka tidaklah mempunyai keinginan yang begitu besar untuk bekerja sebagai buruh di Siam walaupun mereka mengalami kesempitan hidup pada ketika itu. Mereka juga telah diberikan janji-janji yang manis serta gambaran tentang keindahan Siam dan pekerjaan yang baik telah dipropagandakan oleh pentadbiran Jepun.

²⁰ Hall, *Sejarah*, hlm. 1002.

²¹ Temuramah dengan Haji Bahari Idris pada 7 Ogos 2001 di Kampung Tedong, Merlimau, Melaka.



Gambar di atas menunjukkan sebahagian daripada "Landasan Keretapi Maut" yang dibina di antara sempadan Siam – Burma. Landasan ini dikatakan telah meragut beribu-ribu nyawa sewaktu ianya dibina.

Gambar asal diperolehi dari Arkib Negara, Kuala Lumpur.

Ramai di antara mereka berpendapat perjalanan di waktu perang dan kesempitan hidup pada waktu itu berada di mana-mana. Sebagai usaha untuk mengelakkan diri dari dipaksa menjadi buruh ke Siam, ramai ibubapa telah mengahwinkan anak-anak bujangan mereka di waktu usia yang amat muda seperti 15 atau 16 tahun dengan saudara-mara mereka. Melalui cara ini mereka dikatakan dapat mengelakkan diri dan menjadikan dalih atau alasan yang cukup kuat dari dipaksa menjadi buruh ke Siam kerana telah mempunyai tanggungan yang berat kepada keluarga.²² Pemilihan tenaga buruh oleh ketua kampung atau penghulu adalah bersesuaian kerana mereka mengetahui segala aspek dalam kampung masing-masing. Selalunya, ketua kampung akan memilih orang yang mempunyai masalah sosial di kampung dan mereka ini tidak diingini di kampungnya sahaja untuk memenuhi kehendak Jepun tersebut. Orang yang tidak diingini untuk tinggal di kampung mempunyai kreteria yang buruk seperti mencuri serta pernah melakukan kejahanan. Mereka ini adalah calon yang paling sesuai untuk di hantar ke Siam dan menjadi buruh Jepun di sana. Namun begitu tidak semua pemuda yang dihantar ke Siam itu mempunyai perangai yang tidak elok kerana terdapat juga pemuda-pemuda yang menawarkan diri secara suka rela untuk mencari pekerjaan disebabkan telah lama menganggur.²³

Sungguhpun arahan tersebut dikeluarkan untuk seluruh kampung di Melaka, tetapi terdapat kampung-kampung yang bebas daripada tekanan tersebut. Kampung Telok Mas umpsamanya, hanya seorang sahaja penduduk kampung ini

²² Temuramah dengan Tn. Hj. Hashim bin Salim pada 2 Oktober 2001 dan Tn. Hj. Jaafar bin Ab. Wahid pada 24 Oktober 2001 di Kampung Paya Datuk, Alor Gajah Melaka.

²³ Temuramah dengan Tn. Hj. Bahari Idris pada 7 Ogos 2001.

yang pergi ke Siam dan pemergiannya pula hanyalah dengan kerelaan hatinya sendiri.²⁴ Ini adalah disebabkan adanya kerja-kerja tempatan yang lebih dipentingkan di kampung itu. Tenaga buruh kampung tersebut adalah diperlukan untuk membuat kerja-kerja perlombongan di lombong bauxite *Ishihara Sangyo Kabushiki Kaisha* (I.S.K.).²⁵ Di samping itu, kampung asal pegawai-pegawai di Pejabat Buruh selalunya terkecuali daripada arahan sedemikian. Pegawai-pegawai Pejabat Buruh dapat mengelakkan arahan-arahan untuk menghantar buruh ke Siam dengan mengarahkan setiap kampung menyediakan lebih ramai orang untuk dihantar ke Siam. Ini dilakukan untuk menyelamatkan penduduk-penduduk kampungnya daripada menerima arahan tersebut.

Arahan-arahan tersebut selalunya dituruti bukan sebagai tanda penghormatan kepada pentadbiran Jepun tetapi adalah kerana terpaksa. Penduduk kampung kerap menghadapi tekanan hidup disebabkan perkara buruh paksa ini kerana permintaan dari pentadbiran Jepun terhadap buruh amat kerap sekali. Bagi masyarakat Melayu, pembinaan ‘jalan keretapi maut’ Siam-Burma itu adalah satu perkara yang tidak dapat dilupakan sepanjang pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Pada keseluruhannya, ramai yang pergi ke Siam untuk menjadi buruh pembinaan jalan keretapi tersebut tidak pulang kembali ke kampung masing-masing. Ada yang menemui ajal di sana dan ada yang melarikan diri dari kerja tersebut dan berkahwin di Siam serta menetap di sana. Kerja berat yang tidak menentu masa,

²⁴ Temuramah dengan Tn. Hj. Abdul Ghani Ahmad pada 2 Ogos 2001 di Kampung Telok Mas, Melaka.

²⁵ *Ibid.* Menurut beliau lagi, peranan Penghulu Hj. Abdul Hadi bin Sidek telah menyebabkan Jepun menerima alasan yang lombong itu perlukan tenaga buruh yang ramai dan ini dapat mengelakkan penduduk Telok Mas daripada pergi ke Siam.

makan yang kurang serta tidak berzat dan kesihatan yang tidak terkawal telah menyebabkan ramai pekerja-pekerja itu meninggal dunia di Siam.²⁶

Mereka disuruh bekerja berjam-jam lamanya tiap-tiap hari dengan makanan yang sedikit dan manakala mereka yang sakit dibawa ke dalam hutan dan dibiarkan mati.²⁷

Setelah perperangan tamat, Brig. Jeneral William, Ketua Pegawai Urusan Awam Semenanjung Tanah Melayu telah mengatakan bahawa kira-kira 6,000 orang daripada Tanah Melayu ditemui di Segenting Kra dalam keadaan cemas, teruk dan menyedihkan.²⁸ Kesan pembinaan jalan keretapi ini yang memakan begitu banyak jiwa adalah satu kegiatan yang amat menyedihkan hati dan menjadi salah satu bukti ketidakadilan Jepun di mata ramai orang Melayu. Wujudnya perkara sedemikian telah menyebabkan Jepun tidak dapat memenangi hati rakyat tempatan.

Keganasan dan kekejaman tentera Jepun dikalangan rakyat tempatan memang banyak didapati melalui dokumen. Penyeksaan oleh askar Jepun seperti menggertak, memaksa memanjat pokok kelapa, minum air sabun, memukul, menampar, menendang dan memijak perut setelah minum air bertimba-timba adalah perkara lumrah.²⁹ Jaminan layanan baik terhadap penduduk tempatan ternyata lebih bersifat propaganda.

²⁶ Temuramah dengan Tn. Hj. Bahari Idris pada 7 Ogos 2001.

²⁷ *Seruan Rakyat*, Kuala Lumpur, 18 November, 1945.

²⁸ *Ibid.*

²⁹ Temuramah dengan Tn .Hj. Bahari Idris pada 7 Ogos 2001.

Walaupun pentadbiran Jepun lebih jelas menampakkan kekejaman dan memberi kesengsaraan kepada penduduk tempatan, pentadbiran Jepun juga telah berusaha untuk memenangi hati rakyat dengan menekankan bahawa agama, adat istiadat dan segala yang berhubungan dengan kedua-duanya dijalankan oleh bumiputera akan dikawal dan terserah kepada penduduk tempatan.³⁰ Kedudukan agama dan istiadat rakyat tempatan, khasnya Melayu tidak begitu banyak berubah pada masa pendudukan Jepun. Bagi negeri Melaka, agama Islam di samping agama-agama lain tetap terpelihara. Adat Temenggung dan Perpatih juga tetap terpelihara seperti sediakala.

Pihak pentadbiran Jepun memerlukan kerjasama ulama tempatan supaya dapat meyakinkan penduduk-penduduk bahawa mereka adalah pengawal dan pembela agama Islam. Kenyataan tersebut amat penting bagi Jepun dan merupakan asas kepada tindakan pentadbiran Jepun yang menganggap agama sebagai satu gerak kuasa sosial yang besar dan amat berpengaruh. Jepun juga telah menjadikan agama Islam sebagai satu saluran mereka untuk menyebarkan propaganda mereka melalui khutubah-khutubah Jumaat. Walaubagaimanapun kegiatan-kegiatan tersebut adalah suatu yang keterlaluan sekali. Disamping dikatakan mengawal setiap aspek agama tempatan, pentadbiran Jepun cuba memperbodohkan penduduk-penduduk tempatan sehingga menyentuh masalah pokok agama masing-masing seperti menundukkan kepala ke matahari terbit yang merupakan juga simbol ketiaat setiaan kepada Tenno-Heika. Persoalan ini adalah bertentangan

³⁰ H.J. Benda, J.K. Irikara dan Koichi Kishu, *Japanese Military Administration In Indonesia, Selected Documents*, U.S.A.: Yale University Press, 1965, hlm. 32.

dengan agama Islam dan telah ditentang oleh orang Melayu tetapi masih tetap dilakukan oleh Jepun.

Berbanding dengan orang Melayu, kaum Cina menerima layanan yang berbeza sekali kerana matlamat Jepun ialah untuk menggunakan mereka;

... to utilize their existing commercial organizations
and practices to the advantage of our policies.³¹

dan di samping itu pula,

Strict discipline shall of course be exerted against
anti-Japanese movements, and measures shall be
taken to sever political ties among the Chinese
residents of the various areas as well as between
them and mainland China.³²

Namun begitu, arahan-arahan itu hanyalah secara umum sahaja dan ianya boleh mendatangkan pelbagai tafsiran oleh pelaksana dasar tersebut. Maka dengan hal yang sedemikian, kaum Cina telah banyak menerima penyeksaan dan tindakan kekejaman dari pihak pentadbir Jepun di Tanah Melayu.

Sebenarnya masyarakat Cina di Tanah Melayu sudah lama berperang dengan Jepun. Ini dapat dilihat di dalam perang Sino-Japan yang telah bermula pada tahun 1937. Kaum Cina di Tanah Melayu telah membantu perjuangan orang China. Walaupun mereka tidak menentang Jepun secara berhadapan tetapi kaum Cina di Tanah Melayu telah menolong China dari segi bantuan moral dan material. Mereka telah mengadakan tabung pemulihan dan tindakan-tindakan pemulauan barang-barang keluaran Jepun disamping cara-cara

³¹ *Ibid.*, hlm. 30.

³² *Ibid.*

lain yang dapat membuktikan mereka anti Jepun dan membela asal mereka melalui Koumintang.³³ Disamping itu dalam masa Jepun memerangi British di Singapura, kaum Cina telah turut berjuang sedaya upaya mereka. Di Melaka, satu Pasukan Palang Merah dan Air Raid Precaution yang terdiri daripada 250 orang Cina telah membantu tentera-tentera British yang cedera dan kemalangan kerana menghalang kemasukan Jepun.³⁴

Berdasarkan kepada faktor-faktor tersebut dan ditambah pula dengan permusuhan yang telah wujud sejak Perang Sino-Jepun dahulu telah membuatkan kaum Cina di Tanah Melayu kerap menjadi sasaran kekejaman tentera Jepun. Kebencian terhadap kaum Cina di Tanah Melayu telah berpanjangan kerana tentera Jepun yang memerintah Tanah Melayu ialah Pasukan Ke20 Tentera Darat yang terlibat di dalam Perang Sino-Jepun dahulu. Jepun telah menganggap keseluruhan kaum Cina di Tanah Melayu adalah komunis dan bagi mereka komunis adalah musuh mereka walaupun tidak semuanya kaum Cina itu komunis. Ini kerana, Jepun sukar untuk membezakan yang mana komunis dan yang mana bukan komunis. Jepun menganggap orang Cina dan komunis adalah dua unsur yang membawa kepada kekacauan. Oleh itu, setiap langkah kaum Cina adalah dianggap serong oleh Jepun melalui Kempeitainya.³⁵

³³ P'ng Poh Seng, "The Koumintang in Malaya 1912-1941", dalam *Journal of Southeast Asian History*, Vol. 2, No. 1 (Singapura) Mac, 1961, hlm. 34-37.

³⁴ V.Purcell, *The Chinese*, hlm. 245-246.

³⁵ Yoji Akashi, Japanese Policy towards Malayan Chinese, 1941-1945", dalam *Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. 1, No. 2, (Singapore) September, 1970, hlm. 67.

Pada awal kemasukan Jepun, satu operasi ‘menyapu bersih’ orang-orang Cina yang dianggap anti-Jepun telah diadakan. Operasi ini telah dilaksanakan bertujuan;

1. untuk mengatasi masalah mengawal keamanan dengan tenaga tentera yang sedikit.
2. untuk mewujudkan keamanan dalam masa yang singkat.
3. Untuk mengatasi langkah-langkah yang akan diambil oleh gerila untuk melawan Jepun.³⁶

Operasi ini telah diadakan oleh Kempeitai untuk menghapuskan orang-orang yang tidak diingini yang dikategorikan sebagai;³⁷

1. Mereka yang aktif di dalam *China Relief Fund*.
2. Hartawan-hartawan Cina yang memberikan derma kepada tabung tersebut.
3. Pengikut-pengikut dan mereka yang berhubungan dengan Tan Kah Kee, ketua tabung tersebut.
4. Orang-orang Hainan yang dianggap oleh Jepun sebagai komunis.
5. Orang-orang Cina yang lahir di China dan datang ke Malaya selepas Perang Cina-Jepun.
6. Mereka yang mempunyai tanda tatoo yang dianggap sebagai anggota Kongsi Gelap.

³⁶ *Ibid.*, hlm. 67. Chin Kee Onn, *Malaya Up Side Down*, Singapore: Jitts and Co., 1946, hlm. 99-100

³⁷ Y. Akashi, “Japanese Policy”, hlm. 68

7. Mereka yang melawan Jepun dan menjadi anggota sukarela melawan Jepun.
8. Pegawai-pegawai kerajaan dan mereka yang pro-British seperti Jaksa Pendamai, ahli-ahli Majlis Perundangan.
9. Merckya yang memiliki senjata api dan cuba membuat kacau.

Watanabe adalah pegawai berperanan penting dalam pentadbiran Jepun di Tanah Melayu yang bersangkut-paut dengan orang Cina. Beliau menganggap langkah yang patut dijalankan terhadap orang Cina ialah dengan kekerasan dan menurut beliau;

“It is injurious to our interest to be sympathetic with them for the sake of being popular...”³⁸

Oleh itu beliau telah menyarankan bahawa adalah mustahak bagi pentadbiran Jepun;

“... to levy taxes, to coerce their contributions, to cut off their relation with China, and to deny their appointment to administrative positions as well as equality”.³⁹

Operasi ‘menyapu bersih’ yang dijalankan oleh pentadbiran Jepun telah memberikan kesan yang buruk serta menakutkan kaum Cina. Tekanan-tekanan yang dijalankan oleh pihak Jepun telah menyebabkan ramai kaum Cina yang telah lari ke dalam hutan dan membuat penentang secara senyap atau menjalankan pergerakan di bawah tanah seperti M.P.A.J.A. untuk menentang Jepun. Di Melaka, kaum Cina telah melibatkan diri dalam gerakan tersebut yang berpusat di Seremban.⁴⁰ Penggabungan kaum Cina di Melaka dengan Seremban adalah

³⁸ *Ibid.*, hlm. 65.

³⁹ *Ibid.*

⁴⁰ V. Purcell, *The Chinese*, hlm. 246.

disebabkan hutan di Melaka tidak banyak kecuali yang bersempadan dengan Negeri Sembilan. Namun begitu, kaum Cina di Melaka telah cuba menyesuaikan diri dengan keadaan semasa. Kaum Baba yang telah lama wujud di Melaka sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka telah berasimilasi dengan orang Melayu untuk menyelamatkan diri dari kekejaman tentera Jepun. Mereka telah hidup bersama-sama dengan orang Melayu dan hubungan kedua-dua kaum pada awalnya tidaklah begitu tegang di Melaka. Seterusnya kaum Cina di Melaka telah menjalankan serta mengawal kepentingan mereka melalui ekonomi dengan mengikut keadaan semasa seperti memberi rasuah kepada tentera Jepun bagi menyelamatkan diri mereka.

Bagi kaum India di Melaka pula, mereka telah menerima nasib yang agak berbeza dengan kaum-kaum lain. Mereka telah dialihkan pandangan kepada negeri asal mereka iaitu India oleh pentadbiran Jepun. Mereka juga telah dipergunakan oleh pihak Jepun untuk kepentingannya. Kaum India seolah-olah kurang menerima impak dari pentadbiran Jepun. Oleh yang demikian, Jepun tidak menerima penentangan dari kaum India yang sentiasa memandang kepentingan negara mereka dari sudut politik. Jikalau adapun penentangan yang di terima oleh pihak Jepun, ianya amat kecil sekali jika berbanding dengan penentangan yang diberi oleh kaum Melayu dan Cina di Tanah Melayu.

Walau bagaimanapun, kaum India turut juga menerima tekanan ekonomi yang hebat memandangkan punca ekonomi mereka iaitu ladang-ladang getah telah

ditutup oleh Jepun.⁴¹ Oleh sebab itu, sebahagian besar dari mereka telah berhijrah ke bandar-bandar. Ini telah menjadi masalah kepada persatuan India tempatan sehingga Independent League Cawangan Melaka telah mengadakan bantuan bagi mengatasi kesusahan yang dialami oleh kaum India di Melaka. Sungguhpun begitu, tekanan secara terus daripada pihak Jepun kepada kaum India adalah kurang.⁴² Oleh itu dalam memperkatakan persoalan-persoalan yang dihadapi oleh kaum India, perkara penting yang wujud ialah kegiatan-kegiatan yang bercorak politik yang mereka jalankan sepanjang pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Ini adalah satu perkara yang paling bermakna bagi kaum India di mana kaum itu dimobilisasikan ke arah memperjuangkan kemerdekaan India.

Kesengsaraan hidup di bawah pentadbiran Jepun telah menyebabkan masyarakat tempatan terpaksa berusaha sendiri untuk memulihkan ekonomi negara. Di waktu itu, masyarakat terpaksa bercucuk tanam untuk mendapatkan makanan bagi meneruskan kehidupan. Ekonomi pada waktu itu cukup teruk kerana sebelum British meninggalkan tanah Melayu, mereka telah memusnahkan pelbagai tanaman untuk menimbulkan tekanan kepada pihak Jepun. Ubikayu yang menjadi makanan sampingan sebelum ini telah dijadikan makanan harian oleh masyarakat tempatan kerana kekurangan beras. Pada peringkat awalnya, beras diimport dari Siam dan Burma tetapi lama kelamaan Jepun mendapati sukar untuk berbuat demikian. Ini telah mengakibatkan lebih ramai orang mati. Memandangkan

⁴¹ S. Arasaratnam, *Indian in Malaya and Singapore*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1970, hlm. 102-103.

⁴² Chin Kee Onn, *Malaya*, hlm. 133.

keadaan ini, Jepun telah memulakan kempen *Grow More Food* pada 1942.⁴³

Tanaman ubi kayu, ubi keledek, jagong dan sekoi telah ditanam untuk mengurangkan pergantungan terhadap beras.⁴⁴

Masyarakat tempatan juga pada waktu itu telah diajar oleh pihak Jepun untuk berdikari untuk terus hidup. Pentadbiran Jepun sebenarnya telah menimbulkan semangat bercucuk tanam dengan cara moden (berdasarkan zaman itu) dengan lebih giat jika dibandingkan zaman British. Ladang-ladang getah telah ditebang dan telah digantikan dengan tanaman ubikayu, padi, sayur-sayuran supaya penduduk berpeluang untuk berdiri sendiri. Meskipun begitu, tidak hairanlah wajah kelaparan masih dapat dilihat di muka setiap orang.⁴⁵

Perbezaan layanan terhadap sesuatu kaum juga telah menimbulkan kesengsaraan yang tidak mungkin dapat dilupakan oleh masyarakat pada waktu itu. Ianya bukan saja memeritkan tetapi telah mendatangkan kesan yang begitu mendalam kepada kaum-kaum tersebut. Perhubungan di antara kaum telah menjadi renggang dan terus buruk kerana syak wasangka terbit di hati masing-masing. Satu keseragaman fahaman dan cara bertindak oleh semua kaum yang terdapat di Tanah Melayu tidak dapat diwujudkan ketika pemerintahan Jepun.

⁴³ Sheela Abraham, *Sejarah Perkembangan Negara*, Kuala Lumpur: Pajar Bakti Sdn. Bhd., 1993, hlm. 137.

⁴⁴ Muhammad Yusoff Haji Ahmad, *Decades of Change: Malaysia 1910-1970's*, Kuala Lumpur: Pesaka, 1983, hlm. 216.

⁴⁵ *Ibid.*

Perkara seperti ini dapat dilihat di mana orang Melayu terus bergiat untuk membebaskan negeri ini daripada tangan penjajah termasuk Jepun sendiri. Bagi kaum Cina pula mereka terus bergiat menentang Jepun melalui M.P.A.J.A dengan di bantu oleh British dan kaum India pula sebak dengan perjuangan politik mereka terhadap negara asal mereka India. Merckta hanya menumpukan untuk kemerdekaan India dengan bantuan Jepun. Dalam pada itu, telah timbul pula perasaan iri hati serta tidak mempercayai di antara satu sama lain, khasnya dikalangan orang Melayu dan Cina.

Perbezaan layanan yang telah diberi oleh Jepun itu ditambah pula dengan kesatuan-kesatuan yang berbeza-beza di antara kaum dengan sokongan Jepun. Oleh yang demikian, maka timbullah M.S.C. (Kelab Melayu Muda), O.C.A. (Persatuan China Seberang Laut) dan I.I.L. dan cawangan tenteranya I.N.A. yang merupakan pergerakan politik kaum India di Tanah Melayu. Kecuali M.S.C. pertubuhan-pertubuhan kaum Cina dan India itu adalah merupakan cawangan sahaja di Melaka.

Inilah akibatnya daripada kesengsaraan yang terpaksa dihadapi oleh masyarakat sewaktu pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Daripada kesengsaraan ini, mereka telah belajar untuk terus hidup dan memberontak untuk kepentingan kaum mereka.